

SULIT
3757/1
EKONOMI
ASAS
KERTAS 1
NOVEMBER
2000
1 JAM

3757/1

PERSIDANGAN KEBANGSAAN PENGETUA
SEKOLAH MENENGAH MALAYSIA
CAWANGAN TERENGGANU
DENGAN KERJASAMA
JABATAN PENDIDIKAN TERENGGANU

PEPERIKSAAN AKHIR TAHUN 2000

TINGKATAN EMPAT

EKONOMI ASAS

KERTAS 1

Satu jam

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas soalan ini mengandungi 40 soalan.*
2. *Jawab semua soalan.*

Kertas soalan ini mengandungi 12 halaman bercetak

3757/1 © 2000 Hak Cipta PKPSM Cawangan Terengganu

[Lihat sebelah
SULIT


Tiap-tiap soalan diikuti oleh empat pilihan jawapan. Pilih satu jawapan terbaik dan hitamkan ruangan yang sepadan bagi tiap-tiap soalan pada kertas jawapan objektif anda.

1. Perkataan ekonomi boleh ditakrifkan sebagai
 - A Ilmu yang mengkaji harta dan kekayaan dan cara mendapatkan wang
 - B Ilmu yang mengkaji bagaimana manusia menggunakan faktor-faktor pengeluaran yang terhad untuk memaksimumkan kepuasan
 - C Ilmu yang mengkaji cara pembahagian harta kekayaan kepada pengguna
 - D Ilmu yang mengkaji gelagat manusia berhadapan dengan masalah pendapatan

Masyarakat tanpa kelas
Tiada perbezaan antara kaya dengan miskin

2. Berdasarkan pernyataan di atas, sistem ekonomi yang dimaksudkan ialah
 - A Saradiri
 - B Pasaran Bebas
 - C Campuran
 - D Perancangan Pusat
3. Masalah asas yang dihadapi oleh penganut sesebuah sistem ekonomi
 - A Mengurangkan kadar pengangguran
 - B Membasmi kadar kemiskinan di kalangan penduduk desa
 - C Menghapuskan jurang perbezaan pendapatan golongan kaya dan yang miskin
 - D Menggunakan sumber-sumber yang terhad untuk penghasilan barangan yang diperlukan pengguna
4. Air laut tidak mempunyai kos lepas tetapi penting untuk pengangkutan barang secara pukal. Penyata di atas menunjukkan air laut ialah
 - A barang keperluan
 - B barang biasa
 - C barang percuma
 - D barang awam
5. Encik Kassim bekerja selama 6 jam di sebuah syarikat kasut. Sepasang kasut berharga RM 20.00. Hasil keluarannya ialah 5 pasang kasut untuk setiap jam bekerja. Apakah kos lepas jika Encik Kassim mengambil cuti sehari ?
 - A RM 20.00
 - B RM 100.00
 - C 30 pasang
 - D 130 pasang

6



Antara yang berikut, yang manakah benar tentang rajah di atas ?

Sistem ekonomi X	Pembuat keputusan
A Campuran	Kerajaan dan swasta
B Islam	Kerajaan dan swasta
C Kapitalis	Swasta
D Perancang pusat	Kerajaan

- 7 “ Kerajaan terpaksa menangguhkan beberapa projek meganya memandangkan keadaan ekonomi yang kurang memuaskan ”
 Masalah asas ekonomi manakah yang sesuai dengan pernyataan di atas ?
- A Apakah barang yang hendak dikeluarkan
 B Berapa banyak barang itu hendak dikeluarkan
 C Bagaimanakah barang itu dikeluarkan
 D Untuk siapakah barang itu dikeluarkan
- 8 Kenapakah sesebuah syarikat bertindak merancang, membuat kajian, mengenalpasti dan memilih jenis keluaran yang ingin dikeluarkan ?
- A supaya keluarannya lebih berkualiti
 B supaya pulangan dari operasi lebih menguntungkan
 C supaya pasaran barangan yang ingin dikeluarkannya lebih meluas
 D supaya syarikatnya akan lebih dikenali dalam pasaran
- 9 Dalam satu forum ekonomi, ahli-ahli panel mengeluarkan pendapat masing-masing.

- Afidah : Penjual tidak boleh meletakkan harga sesuka hati kerana ini boleh membawa kerugian. Harga seharusnya dipersetujui antara penjual dan pembeli.
- Salmah : Saya sangat setuju dengan pendapat Cik Afidah. Walau bagaimanapun apabila timbul keadaan tertentu, kerajaan perlu bertindak agar harga tidak meningkat terlampau tinggi yang seterusnya membebankan rakyat.
- Fatin : Saya kira bagi kebajikan rakyat seluruhnya, kerajaan sebagai organisasi tertinggi dalam sesebuah negara harus menetapkan tingkat harga supaya tidak membebankan seluruh rakyat.

Berdasarkan pendapat ahli-ahli panel di atas, sistem ekonomi manakah yang dimaksudkan oleh ahli-ahli panel tersebut.

	AFIDAH	SALMAH	FATIN
A	Kapitalis	Perancangan Pusat	Perancangan Pusat
B	Campuran	Kapitalis	Perancangan Pusat
C	Kapitalis	Campuran	Perancangan Pusat
D	Campuran	Perancangan Pusat	Campuran

10

Barang ini mempunyai nilai tertentu	<i>Betul</i>
Penawaran barang ini adalah tidak terhad	<i>Salah</i>
Penggunaan barang ini menyebabkan penggunaan barang lain tidak dapat dimiliki	<i>Betul</i>
Tidak perlu dibayar untuk menggunakannya	<i>Salah</i>
Contoh : Keindahan alam	<i>Salah</i>

Berdasarkan kenyataan betul atau salah pada ciri-ciri barangan di atas, apakah jenis barangan tersebut ?

- A Barang Awam
 - B Barang Ekonomi
 - C Barang Percuma
 - D Barang Perantaraan
- 11 Dalam ilmu ekonomi, bayaran pindahan bermakna
- A Bayaran yang diterima individu tanpa menyumbangkan aktiviti produktif
 - B Bayaran oleh kerajaan kepada golongan tua
 - C Bayaran majikan kepada pekerjanya kerana meningkatkan keuntungan tinggi
 - D Bayaran antara pelanggan ke pelanggan tanpa melalui institusi kewangan

Pendapatan kasar En. Din RM15 000.00 setahun Potongan kepada insurans Takaful RM 4 000.00 setahun
--

- 12 Diberi pelepasan cukai sipembayar cukai RM5 000.00. Jika kadar cukai RM5 000.00 pertama ialah 2 % dan kadar cukai RM5 000.00 berikutnya 5 %, hitung cukai pendapatan yang perlu dibayar olehnya.
- A RM 150.00
 - B RM 200.00
 - C RM 300.00
 - D RM 420.00

13 Antara yang berikut, yang manakah benar tentang bayaran pindahan ?

- I pendapatan yang diterima oleh faktor-faktor pengeluaran yang tidak produktif
- II bonus merupakan sebahagian besar bayaran pindahan dalam negara
- III wang saku yang diberikan oleh Encik Mazrul kepada isterinya untuk perbelanjaan keluarga
- IV sewa yang diterima oleh pemilik restoran setiap bulan

- A I dan II
 B I dan III
 C II dan IV
 D III dan IV

14

Butir	RM
Pendapatan tahunan	1 800
Cukai pendapatan	1 000
Bayaran zakat	250
Caruman KWSP	1 980
Premium insurans	700

Jadual di atas menunjukkan butir-butir pendapatan dan bayaran yang telah dibuat oleh Encik Yunus dalam tahun 1997. Hitung jumlah pelepasan cukai pendapatan Encik Yunus.

- A RM2 930
 B RM7 680
 C RM7 930
 D RM8 930

15 Pasangan manakah yang benar ?

	Bekerja sendiri	Bekerja dengan orang lain
A	Kekurangan modal	Mempunyai modal yang cukup.
B	Sanggup mengambil risiko	Tidak sanggup menanggung risiko
C	Tidak mempunyai pengalaman	Mempunyai pengalaman
D	Tertarik dengan gaji yang lumayan	Ganjaran dalam bentuk keuntungan

16 Apakah langkah-langkah untuk merancang belanjawan yang baik ?

- I mengesakan punca pendapatan
 II menangguh perbelajaan masa kini ke masa hadapan
 III mencatat semua perbelanjaan yang hendak dilakukan
 IV menentukan jenis pelaburan untuk meningkatkan pendapatan masa hadapan.

- A I dan II
 B I dan III
 C II dan IV
 D III dan IV

Gaji	RM 1600
Bonus	RM 120
Caruman KWSP	RM 180
Cukai Pendapatan	RM 60
Ansuran Kereta	RM 400
Zakat	RM 30
Sewa Rumah	RM 150


- 17 Maklumat di atas menunjukkan penyata pendapatan dan jenis potongan bagi Cik Anis. Hitungkan pendapatan boleh gunanya pada bulan tersebut.
- A RM 900
B RM 1200
C RM 1450
D RM 1480
- 18 Yang manakah diantara berikut tidak boleh dianggap sebagai pelaburan ?
- A membeli mesin dan jentera
B membeli bangunan kilang
C membeli bahan mentah untuk mengeluarkan barang
D membeli saham di Bursa Saham
- 19 Antara yang berikut, faktor manakah yang mungkin menyebabkan individu sanggup menerima upah yang lebih rendah daripada sepatutnya ?
- I tingkat tanggungjawab dalam pekerjaan
II minat dalam pekerjaan
III kemahiran pekerja dalam sesuatu bidang tertentu
IV kepuasan pekerja
- A I dan II
B I dan III
C II dan IV
D III dan IV
- 20 Isteri Encik Rahman baru sahaja bersalin di sebuah hospital swasta. Semua perbelanjaan itu ditanggung oleh majikan suaminya. Apakah bentuk bayaran yang dimaksudkan ?
- A bayaran pindahan
B faedah sampingan
C upah bukan wang
D upah nominal
- 21 Isi rumah merupakan
- A Individu yang telah berkahwin dan tinggal dalam sesebuah rumah
B Individu yang menyara hidup seluruh anggota keluarga
C Individu atau sekumpulan individu yang tinggal dalam sebuah rumah
D Orang perempuan yang telah berkahwin dan tinggal dalam sesebuah rumah

Kuantiti air yang diminum	Jumlah Utiliti
0	0
1	40
2	70
3	90
4	100

Jadual 1


22 Jadual 1 di atas menunjukkan hubungan antara kuantiti air yang diminum dengan jumlah utilitinya. Hitungkan utiliti sut bagi gelas air yang ke-3

- A 40
- B 30
- C 20
- D 10



23 Apakah bentuk hubungan yang ditunjukkan oleh keluk permintaan DD di antara harga dengan kuantiti di atas ?

- A Langsung
- B Positif
- C Songsang
- D Tiada hubungan




24 Rajah di atas menunjukkan keluk permintaan bagi sesuatu barang. Jika keanjalan harga permintaan ialah 1.5, hitungkan T.

- A 12
- B 14
- C 15
- D 18

25 Apabila harga barang X jatuh permintaan barang Y akan naik. Ini menunjukkan barang X dan Y adalah

- A Barang mewah
- B Barang mesti
- C Barang penggenap
- D Barang pengganti



- 26 Rajah di atas menunjukkan keluk permintaan bagi beg tangan jenama Z. Apakah faktor yang menyebabkan pergerakan dari titik A ke B ?
- Harga beg tangan jenama Z meningkat
 - Harga beg tangan jenama Z jatuh
 - Harga beg tangan jenama Z dijangka meningkat
 - Harga beg tangan jenama Y jatuh
- 27 Di antara berikut pernyataan yang manakah paling tepat menerangkan tentang firma.
- Unit ekonomi yang menawarkan pelbagai faktor pengeluaran untuk membantu proses pengeluaran
 - Unit ekonomi yang mempunyai matlamat untuk meningkatkan kebajikan masyarakat
 - Unit ekonomi yang mempunyai matlamat untuk memaksimumkan kepuasan
 - Unit ekonomi yang menggunakan faktor pengeluaran untuk memenuhi kehendak isi rumah
- 28 Jumlah kos boleh dikira dengan cara
- Mencampurkan kos tetap dengan kos berubah
 - Menolakkan kos berubah daripada kos tetap
 - Mendarabkan kuantiti output dengan kos purata
 - Membahagikan kos purata dengan kuantiti output


Kuantiti	Kos Tetap (RM)	Kos Berubah (RM)	Kos Purata (RM)
180	X	300	5

- 29 Jadual di atas menunjukkan kos yang terlibat dalam proses pengeluaran sesebuah firma. Berapakah nilai kos tetap ?
- RM 36
 - RM 60
 - RM 600
 - RM 900

Harga (RM)	Kuantiti Penawaran
2	22
4	X

- 30 Jadual di atas menunjukkan harga dan kuantiti penawaran. Keanjalan harga penawaran adalah 0.5. Jika harga naik daripada RM 2 kepada RM 4. Hitungkan kuantiti X.

- A 28
- B 33
- C 36
- D 40







- 31 Rajah di atas menunjukkan keluk penawaran kemeja T. Berapakah keanjalan harga penawaran jika berlakunya pergerakan titik daripada titik X ke titik Y ?
- A 0.5
 - B 1.0
 - C 2.0
 - D 2.5

Kuantiti (unit)	Kos Sut (RM)
1	9
2	8
3	7
4	6

- 32 Jika kos tetap RM 30.00, berapakah jumlah kos untuk mengeluarkan 3 unit barang X ?
- A RM 26
 - B RM 35
 - C RM 41
 - D RM 54
- 33 Harga barang T meningkat sebanyak 40 % penawaran barang T naik sebanyak 8 %. Berapakah nilai keanjalan penawaran barang T ?
- A 0.1
 - B 0.2
 - C 0.3
 - D 0.4

Harga barang (RM)	Kuantiti diminta (unit)	
	Individu X	Individu Y
6	50	65
9	30	45


34 Antara yang berikut yang manakah menunjukkan keluk permintaan pasaran bagi barang P ?



Harga	Permintaan	Penawaran
2	100	10
4	80	30
6	50	50
8	30	80
10	10	100

35 Jadual di atas menunjukkan permintaan dan penawaran alas kaki bagi setiap tingkat harga. Jika pengeluar menjual alas kaki mereka pada tingkat harga RM 8, apakah yang akan berlaku ?


- A Permintaan alas kaki meningkat
- B Harga akan naik
- C Harga akan turun
- D Tidak berlaku apa-apa perubahan



36 Rajah di atas menunjukkan keseimbangan pasaran bagi perabut.

D_p menunjukkan permintaan pasaran bagi perabut. Manakala S_p pula adalah penawaran pasaran bagi perabut. Q_1 Q_2 menunjukkan ...


- A Barang yang ditawarkan sama dengan permintaan
- B Barang yang ditawarkan lebih daripada permintaan
- C Barang yang ditawarkan kurang daripada permintaan
- D Barang yang ditawarkan sama dengan harga yang diminta



37 Rajah di atas menunjukkan aliran wang dalam ekonomi dua sektor. A mungkin sekali ...

- A Upah dan sewa
- B Perbelanjaan isirumah
- C Untung dan sewa
- D Modal dan untung

38



Rajah di atas menunjukkan keseimbangan dalam pasaran buruh.

Keluk S_L S_L adalah penawaran buruh dan D_L D_L adalah keluk permintaan buruh.

Antara berikut yang manakah benar ?

- i. Jika kadar upah meningkat kepada RM 50 kuantiti penawaran buruh akan menurun
- ii. Jika kadar upah menurun kepada RM 35 sehari, kuantiti permintaan buruh akan menurun
- iii. Jika kadar upah ialah RM 40 sehari, permintaan buruh adalah sama dengan penawaran buruh di pasaran.

iv. Jika kadar upah berubah kuantiti buruh yang diminta dan ditawarkan tidak akan kekal pada tingkat 5 unit.

- A i dan ii
- B ii dan iii
- C ii dan iv
- D iii dan iv

39

Harga (RM)	Kuantiti Permintaan			
	Awi	Erra	Amy	Anis
0.50	8	10	13	9
0.70	5	7	10	6
0.90	2	4	7	3

Berdasarkan jadual di atas, jika harga pensel meningkat kepada RM 0.70. Apakah kuantiti permintaan pasarannya.

- A 40
 - B 28
 - C 16
 - D 15
- 40 Dalam ekonomi dua sektor, perbelanjaan pengguna mengalir dari ...
- A Sektor isi rumah ke sektor firma melalui pasaran faktor
 - B Sektor isi rumah ke sektor firma melalui pasaran barang
 - C Sektor firma ke sektor isi rumah melalui pasaran faktor
 - D Sektor firma ke sektor isi rumah melalui pasaran barang